

ASAS-ASAS PERKEMBANGAN SYIAH DI MALAYSIA

1. • Mempengaruhi masyarakat atas dasar sentimen keagamaan.
2. • Menggunakan kedudukan dan gelaran golongan sayyid serta individu-individu yang mempunyai tarikan identiti keagamaan, berjiwa kemasyarakatan serta kemahiran perubatan dan rawatan (khususnya perubatan/rawatan berlabelkan Islam dan alternatif).
3. • Mengumpul masyarakat dengan hukum agama mengikut acuan fahaman Syiah (termasuk yang memenuhi keperluan batiniah).
4. • Mengamalkan pendekatan terbuka dan tidak mengutamakan formaliti segi menimba ilmu dan budaya serta mendekati para pemimpin dan ulama' Syiah.
5. • Mendakwa fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah gagal dengan membuktikan Syiah (khususnya Iran) mendahului segi penguasaan ekonomi (minyak), teknologi dan falsafah.

FAKTOR-FAKTOR UMUM YANG MENARIK KEDATANGAN/KEMASUKAN SYIAH KE MALAYSIA/SELANGOR

1. Tarikan Revolusi Iran

- Menerusi kebangkitan Ayatollah Khomeini cetusan Revolusi Iran telah menyumbang penularan fahaman Syiah ke seluruh dunia. Ramai umat Islam di seluruh dunia tertarik kepada Revolusi Islam ini sehingga menganggap bahawa segala apa yang dibawa oleh kerajaan Ayatollah Khomeini ini adalah benar termasuk tentang fahaman mereka tentang agama Islam yang dibawa.
- Merangsang dan menimbulkan keterbukaan fikiran puak-puak tertentu untuk mengkaji dan memahami Syiah dengan lebih mendalam kesan daripada Revolusi Iran.
- Menggalakkan gerakan dan pertubuhan Islam serata dunia untuk menghadiri pelbagai bentuk seminar dan persidangan yang dianjurkan di Iran seperti Konferens Baghdad yang diadakan bersempena ulangtahun Revolusi Iran dan lain-lain. Menerusi persidangan ini, para wakil dari seluruh pelosok dunia termasuk Malaysia diundang dan dijemput untuk menghadirinya.
- Mendedahkan kepada masyarakat luar tentang fahaman Syiah yang semakin berleluasa di Iran sehinggalah mereka mula bertanya tentang apa yang sedang berlaku, apa yang berbeza antara Iran dengan negara-negara Islam yang lain, persoalan berhubung pegangan mazhab yang dianuti oleh penduduk di Iran dan pelbagai persoalan lain berhubung fahaman Syiah.
- Melambaknya buku-buku dan bahan-bahan bacaan tentang fahaman Syiah yang begitu banyak memudahkan mereka yang datang ke Iran memperolehi sumber ilmu tentang fahaman Syiah. Mereka yang datang ke Iran juga dapat bertemu dengan para ulama Syiah di Iran untuk bertanyakan tentang fahaman yang dianuti itu secara langsung tanpa ada tapisan sama ada secara formal atau tidak formal. Mereka juga boleh melawat dan melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian di Iran seperti Kota Pengajian Qom.

2. Tarikan kajian perbandingan dan sumber dalam negeri

- Masyarakat mula mengenali dan mendapat maklumat tentang Syiah sedikit demi sedikit apabila media seperti akhbar mula menyiarkan maklumat dan komentar tentang fahaman Syiah.
- Ada di kalangan masyarakat yang cuba mencari kebenaran dan jika mereka jahil dan kekurangan pemahaman, mulalah mereka melihat kelebihan Syiah dan tertarik dengan ajaran dan fahaman Syiah.

3. Tarikan di kalangan pelajar yang menuntut ilmu di luar negeri

- Pelajar yang melanjutkan pengajian ke Iran pula lebih mudah tertarik kepada fahaman Syiah ini, terutama mereka yang tidak dapat menyembunyikan identiti Sunni mereka. Maka, mereka akan lebih didekati dan dihampiri untuk didakwahkan ke dalam fahaman Syiah.
- Di samping pembelajaran yang didapati secara formal di dalam kelas dan kuliah, pergaulan mereka dengan pelajar-pelajar Syiah lebih mendekatkan diri mereka kepada fahaman Syiah. Itu adalah hakikat yang tidak dapat dinafikan, dan sememangnya, majoriti mereka yang pergi melanjutkan pelajaran ke Iran mudah terjebak sehingga menganuti fahaman Syiah.
- Walau bagaimanapun, bukan sahaja pelajar yang melanjutkan pengajian ke Iran sahaja yang menerima tempias fahaman Syiah, malah mereka yang belajar di luar negara selain daripada Iran juga mudah ditarik untuk mengikuti fahaman Syiah. Caranya bukanlah secara formal seperti pengajian di dalam kuliah dan kelas-kelas di tempat pengajian mereka, tetapi adalah melalui interaksi mereka dengan pelajar-pelajar dari Iran, menyebabkan terhasilnya keterbukaan minda terhadap Syiah.
- Tambahan pula terdapat kelas-kelas pengajian Syiah yang tidak formal wujud di negara-negara tersebut untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap fahaman Syiah ini. Sebagai bukti, cukup kita lihat situasi di Malaysia, sekalipun telah diharamkan, masih wujud kelas-kelas pengajian Syiah di merata tempat sekitar Hulu Klang. Malah, ramai pelajar di universiti tempatan juga yang menganut malah menyebarkan fahaman ini di kalangan rakan-rakan terdekat mereka seperti rakan sebilik dan rakan sekelas. Melalui rakan sebilik atau rakan sekelas ini maka mulalah pertanyaan dan kemudian naik ke peringkat seterusnya iaitu diskusi ilmiah, debat dan pelbagai cara lagi penularannya sehingga boleh menggoyahkan pegangan seseorang. Hakikatnya, bukan semua mereka yang menganuti fahaman Syiah ini adalah berasaskan kebenaran yang ditemui oleh mereka, tetapi kadang-kadang ada sebahagian daripada mereka yang hanya mahukan kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam Syiah.

4. Tarikan terhadap pelajar dalam negeri

- Mereka yang berada di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan juga tertarik dengan apa yang berlaku di Iran iaitu Revolusi Iran sehingga menyebabkan mereka bertanya kepada pelajar Iran atau pelajar yang pulang dari pengajian mereka di Iran. Mereka mula bertanya dan menyebarkan fahaman ini kepada rakan-rakan mereka yang lain melalui interaksi secara tidak formal dan seterusnya melalui pengajian di luar kampus yang tidak formal. Bagi mereka yang jahil, hujah golongan Syiah ini amatlah kuat dan kebiasaannya berasaskan dalil akal sehingga sukar hendak membenteng iman seorang penganut Sunni yang memiliki aqidah yang rapuh.

FAKTOR PENYEBARAN SYIAH DI MALAYSIA

1.

- Mempengaruhi masyarakat atas dasar sentimen keagamaan di mana sifat orang Melayu sangat cinta dan kasih kepada keluarga Nabi Muhammad SAW. Atas asas cinta dan kasih sayang tersebut mereka mudah menerima dakwah Syiah walaupun melampau dalam melahirkan pengagungan terhadap keluarga Rasulullah SAW.

2.

- Mengumpan masyarakat dengan hukum fiqh Syiah yang sangat mudah dan longgar untuk menarik sesetengah pengikut agar mudah terpengaruh dan mendukung fahaman mereka berbanding hukum fiqh mazhab-mazhab lain seperti mudah dalam pelaksanaan syari'at seperti melaksanakan solat secara jamak, tiada kewajipan menunaikan Solat Jumaat serta memenuhi keperluan batiniah.

3.

- Mengamalkan pendekatan terbuka dengan tidak mengutamakan formaliti segi menimba ilmu dan mengamalkan budaya mudah mendekati para pemimpin dan ulama Syiah secara terbuka.

4.

- Menyerap masuk dengan pendekatan mengadaptasi dan membuat penyesuaian dengan amalan dan budaya Melayu sedia ada seperti Maulidur Rasul, tahlil, bacaan tarhim sebelum subuh dan lain-lain.

5.

- Mempamerkan semangat dan kesungguhan pendakwah-pendakwah Syiah dalam menyebarkan fahaman Syiah serta menggunakan pelbagai pendekatan dalam mempengaruhi masyarakat atas dasar sentimen keagamaan.

6.

- Menggunakan kedudukan dan gelaran golongan sayyid serta individu-individu yang mempunyai tarikan identiti keagamaan, berjiwa kemasyarakatan dan kemahiran perubatan (khususnya perubatan berlabelkan Islam dan alternatif).

7.

- Mendakwa fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah gagal dengan membuktikan Syiah (khususnya Iran) mendahului segi penguasaan ekonomi (minyak), teknologi dan falsafah.

KEKUATAN SYIAH

1. • Mempunyai strategi berasaskan agenda (*agenda centric*).
2. • Merangka dan melaksana program yang strategis.
3. • Memposisikan fahaman Syiah sebagai wira pemerintahan Islam (impak daripada Revolusi Iran 1979).
4. • Membina pemerintahan dalam negara lain (sebagai contoh: Syria dan Iran ke atas Lebanon).
5. • Mendapat sokongan dan kerjasama daripada beberapa kuasa besar dunia.
6. • Membangun kumpulan *marja'* dan hidup secara kolektif.
7. • Memiliki kekuatan dana.
8. • Memiliki rangkaian kader-kader terlatih.
9. • Memiliki sumber dan rangkaian ekonomi, pendidikan, politik dan media yang mantap.
10. • Menyediakan umpan yang menarik (nikah mut'ah, Solat Jamak dan sebagainya) untuk menarik pengikut terhadap ajaran mereka.
11. • Menguasai negara-negara sasaran (penghapusan etnik dan aliran serta penjalinan kerjasama politik dan ketenteraan).